

5 JAN 1996

Mahathir - Suami

SUAMI WARGA ASING JUGA AKAN DIBENAR BEKERJA DI MALAYSIA

KUALA LUMPUR, 5 Jan (Bernama) -- Kerajaan akan menimbangkan kemungkinan membenarkan warganegara asing yang berkahwin dengan wanita Malaysia untuk bekerja di negara ini, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Beliau berkata, kemungkinan itu akan dikaji kerana sekurang-kurangnya mereka yang terlibat itu sudah berada di negara ini dan ia adalah lebih baik daripada mengimport pekerja lain yang tiada hubungan langsung dengan Malaysia.

"Kita terpaksa fikir, kalau tidak mereka cuma makan angin sahaja di negara ini sedangkan isteri mereka bekerja, mereka makan duit (hasil) isteri sahaja, ini tak elok juga," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Kompleks Anak-anak Yatim Darul Kifayah berharga RM2 juta di Kampung Delima di sini.

Perdana Menteri diminta mengulas kenyataan Timbalan Menteri Dalam Negeri Datuk Megat Junid Megat Ayob Selasa lepas bahawa kerajaan bersedia membenarkan warga asing yang berkahwin dengan lelaki Malaysia untuk bekerja di negara ini jika mereka mempunyai kelayakan yang diperlukan.

Megat Junid bagaimanapun berkata, keistimewaan itu tidak terpakai untuk warganegara asing yang berkahwin dengan wanita Malaysia kerana wanita Malaysia tidak dibenarkan membawa suami bekerja di negara ini dan sehingga ini belum ada rancangan untuk mengkaji semula dasar itu.

Dengan komen Dr Mahathir hari ini, dasar itu mungkin akan dikaji semula.

Ditanya bilakah isteri dan suami daripada kalangan warganegara asing itu akan dibenarkan bekerja di negara ini, Perdana Menteri berkata ia akan dilaksanakan seberapa segera yang boleh.

Beliau berharap melalui langkah itu Malaysia akan dapat menggunakan kepakaran mereka yang terbabit di negara ini.

Dalam perutusannya sempena Tahun Baru Dr Mahathir berkata pesara dan suri rumah perlu menyertai pasaran tenaga kerja untuk mengawal kemasukan pekerja asing yang terlalu banyak ke negara ini.

Menurut beliau jika arah aliran itu tidak dikawal, Malaysia akan mempunyai 2.3 juta pekerja asing menjelang tahun 2000. -- BERNAMA